



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index
(Jan 2010=100)


JANUARI 2016
January 2016



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JANUARI 2016

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan penurunan sebanyak 1.8 peratus bagi bulan Januari 2016 berbanding Disember 2015. Sementara itu, Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.4 peratus dan 2.1 peratus.



2. Faktor utama yang menyebabkan penurunan kepada indeks harga pengguna bulanan ialah kos yang menurun bagi Indeks Pengangkutan sebanyak 5.3 peratus, terutamanya bagi kos alat ganti dan aksesori kenderaan serta perkhidmatan pengangkutan melalui udara. Ini diikuti oleh penurunan bagi Indeks Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain sebanyak 4.0 peratus yang disebabkan oleh kos yang menurun bagi sewa kediaman. Indeks Perhiasan, Peralatan Isi rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah menurun sebanyak 1.8 peratus

berikutan harga yang menurun bagi tekstil isi rumah, perkakas isi rumah utama seperti barangan elektrik dan bukan elektrik, barangan kaca, pinggan mangkuk dan kelengkapan isi rumah. Penurunan kos bagi barangan tersebut adalah bertepatan dengan sambutan *Brunei Salebration* yang bermula dari 07 Disember 2015 dan berakhir pada 08 Februari 2016.


3. Penurunan kos-kos yang disebutkan di atas diimbangi oleh peningkatan pada Indeks Pendidikan sebanyak 6.0 peratus disebabkan oleh kenaikan yuran sekolah swasta yang terpilih bagi pra-sekolah rendah dan pendidikan peringkat rendah serta pendidikan peringkat menengah. Indeks Hotel dan Restoran juga meningkat sebanyak 0.4 peratus disebabkan oleh harga yang tinggi bagi beberapa hidangan terpilih di restoran dan kafe, kedai makanan segera dan kantin serta perkhidmatan penginapan.
4. Berbanding Januari 2015, IHP bagi Januari 2016 menurun 1.2 peratus, sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh penurunan pada indeks Pengangkutan sebanyak 5.1 peratus; Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain (4.2 peratus); dan Pakaian dan Kasut (3.6 peratus).
5. IHP ialah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Januari 2016 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.



**MEDIA RELEASE DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE**

CONSUMER PRICE INDEX (CPI), JANUARY 2016

1. *The Consumer Price Index (CPI) witnessed a decline of 1.8 per cent in January 2016 over December 2015. Meanwhile, the Food and Non-Alcoholic Beverages Index and the Non-Food Index both decreased by 0.4 per cent and 2.1 per cent, respectively.*



2. *The main factor associated with the decline in the month-on-month Consumer Price Index was a consequence of the lower costs in the Transport Index by 5.3 per cent, especially the costs of spare parts and accessories of vehicles as well as passenger transport by air. This was followed by a decrease in the Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels Index by 4.0 per cent due to lower costs of rentals for housing. Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance Index decreased by 1.8 per cent due to low prices of household textiles, major household appliances whether electric or not, glassware, tableware and*

household utensils. The decline in the costs of these products coincided with Brunei Salebration from 07 December 2015 till 08 February 2016.

- 3. The reduction of costs mentioned above were offset by the rise in Education Index by 6.0 percent due to higher fees of selected pre-primary and primary education as well as secondary education in private schools. Restaurant and Hotels Index also increased by 0.4 percent due to higher prices of selected food items from restaurants and fast-food outlets and canteens as well as accommodation services.*
- 4. Compared to January 2015, the CPI for January 2016 decreased by 1.2 per cent, mainly due to lower indices of Transport 5.1 per cent; Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (4.2 per cent); and Clothing and Footwear (3.6 per cent).*
- 5. CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for January 2016 is available from JPKE's website: www.depd.gov.bn.*